

Muhyiddin nafi keluar kenyataan bina terowong banjir



Muhyiddin (dua, kiri), mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Jepun Shinzo Abe (dua, kanan) pada Persidangan Dunia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) kali ketiga mengenai Pengurangan Risiko Bencana di Sendai, Jepun, semalam.

TOKYO - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menafikan beliau membuat kenyataan kerajaan akan membina projek seperti Terowong Smart di Kelantan bagi menangani masalah banjir di negeri itu.

Katanya, laporan berita yang memetik beliau itu adalah tidak benar kerana walaupun beliau telah melihat projek terowong seperti itu berjaya dilaksanakan di Jepun dalam mengurangkan masalah banjir, ia masih memerlukan kajian.

"Saya tidak buat apa-apa kenyataan. Tidak semestinya apa dibuat dan sesuai di Jepun, sesuai di Malaysia. Kita buat kajian men-

dalam, sistem apa, teknologi apa yang wajar. Kita datang Jepun belajar apakah teknologi itu sesuai. Setiap sesuatu perkara melibatkan kos besar. Terowong bawah tanah pasti melibatkan kos besar. Ada teknologi tak sesuai.

"Pengurusan banjir di Jepun tak sama dengan Malaysia. Kita buat perbandingan. Dalam hal berlaku di Kelantan, kita nak tahu puncanya dan telah dimulakan beberapa universiti," katanya.

Akhbar semalam melaporkan Muhyiddin sebagai berkata, kerajaan mengkaji pembinaan projek serupa seperti Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir atau

Terowong Smart di Kelantan.

Akhbar berkenaan melaporkan bahawa Muhyiddin berkata, pembinaan terowong itu bertujuan menyelesaikan bukan sahaja masalah banjir setiap hujung tahun di Kelantan, tetapi juga isu banjir keseluruhannya.

Mengenai pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Dewan Rakyat semalam kerajaan berpendapat tiada keperluan membentuk Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk mengkaji kelemahan dan kekurangan dalam pengurusan banjir Muhyiddin berkata, beliau bersetuju dengan tindakan itu. - Bernama